

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MUKA DUA

## Hospital medan di Tawau diaktifkan

**Kuala Lumpur:** Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan mengaktifkan hospital medan di Tawau, Sabah bagi bagi melaksanakan bantuan sokongan untuk merawat kes selain COVID-19.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata antara fokus hospital medan ATM itu termasuklah pembedahan trauma dan kecemasan dan wad bersalin.

Katanya, keputusan itu dibuat susulan pembentangan Kementerian Kesihatan (KKM) pada sidang khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) semalam mengenai keperluan menambah fasiliti perubatan bagi menangani situasi di Sabah berikutan jangkaan peningkatan kes positif COVID-19

di negeri itu.

"Hospital medan ini mempunyai 100 katil pelbagai wad dengan kekuatan lapan pegawai perubatan dan 54 lain-lain pangkat, terdiri daripada satu komander, lima doktor pakar, tiga pegawai perubatan dan kakitangan lain.

"Dengan pembukaan hospital medan ATM yang memberi tumpuan kepada kes selain COVID-19, Hospital Tawau boleh fokus sepenuhnya merawat pesakit COVID-19," katanya pada sidang media secara maya Facebook Kementerian Pertahanan, semalam.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) juga akan me-

laksanakan penerbangan secara harian ke Sabah bagi membantu KKM dalam urusan logistik.

Jelasnya, ia termasuk membawa kakitangan perubatan ke Sabah serta dari Sabah ke Semenanjung, selain membawa sampel saringan ujian calitan ke makmal di Semenanjung.

"Kita dimaklumkan kapasiti makmal berkurangan di Sabah sedangkan saringan banyak.

"Oleh kerana tidak mahu menunggu keputusan ujian calitan ini terlalu lama, kita bersetuju membawa sampel ujian ke makmal di Semenanjung," katanya.

Beliau berkata kerajaan mewu-

judkan pusat kuarantin transit pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah, dalam usaha mengelakkan penularan depot tahanan.

Katanya, ia membabitkan Dewan Masyarakat Menggatal, Dewan Masyarakat Pekan Kinarut di Kota Kinabalu, Dewan Sibuga, Batu 5 dan Dewan Sri Gum-Gum, Batu 16 di Sandakan.

Beliau berkata, PATI yang ditangkap di Sabah akan ditempatkan sementara di empat pusat kuarantin transit itu dan hanya dihantar ke depot tahanan selepas disahkan bebas COVID-19.

"Prosedur operasi standard (SOP) tahanan di penjara yang diumumkan sebelum ini, juga terpakai kepada pusat kuarantin transit PATI ini," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Nasional

Penularan COVID-19

# Enam lagi kluster baharu dilaporkan

4 di Selangor, satu di Sabah serta Sarawak, 3 kematian direkodkan semalam

Oleh Sophia Ahmad dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Enam lagi kluster baharu COVID-19 dilaporkan semalam masing-masing empat di Selangor dan satu di Sabah serta Sarawak.

Pada masa sama, COVID-19 meragut tiga lagi nyawa, menjadikan jumlah keseluruhan kematian di Malaysia kepada 155 atau 1.03 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, empat kluster di Selangor itu dikenali sebagai Kluster Bah Manggis, Kluster Utama, Kluster Tasik dan Kluster Simera.

Beliau berkata, Kluster Highway dan Kluster Putra pula dilaporkan di Sabah dan Sarawak.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kluster Highway di Sabah membabitkan daerah Kota Belud yang menjalani saringan bergejala pada 3 Oktober lalu yang juga kes ke-12,250 dan saringan kontak rapat sehingga jam 12 tengah hari se-

malam, mengenal pasti 22 kes lagi.

"Sehingga 10 Oktober, jam 12 tengah hari, sejumlah 59 individu telah disaring, di mana 23 kes dikesan positif COVID-19 dan 36 individu negatif," katanya.

Kluster Bah Manggis pula membabitkan daerah Tawau, Sabah dan daerah Kuala Langat, Selangor dengan kes ke-12866 positif COVID-19 hasil saringan bergejala pada 5 Oktober.

Saringan kontak rapat mengenalpasti tujuh lagi kes positif COVID-19.

"Sehingga 10 Oktober 2020, jam 12 tengah hari, sejumlah 107 individu telah disaring, di mana lapan kes positif, 26 negatif dan 73 masih menunggu keputusan," katanya.

Kluster Utama di Selangor dikenal pasti di daerah Gombak dan Petaling,

Selangor membabitkan kes indeks ke-12549 yang positif hasil saringan individu bergejala pada 4 Oktober.

"Saringan kontak rapat sudah mengenal pasti sembilan lagi kes positif. Sehingga 10 Oktober 12 tengah hari, sejumlah 114 individu telah disaring, di mana 10 kes dikesan positif, 15 negatif dan 89 masih menunggu keputusan," katanya.

Kluster Tasik di Selangor pula membabitkan Miri, Sarawak dan daerah Petaling, Hulu Langat dan Klang.

Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-13489) telah dikenal pasti positif hasil saringan di pintu masuk ke Sarawak pada 3 Oktober dan telah dimasukkan ke



Hospital Miri.

"Saringan kontak rapat mengesan sembilan lagi kes positif. Sehingga 10 Oktober 12 tengah hari, sejumlah 15 individu disaring, di mana 10 kes dikesan positif, satu negatif dan empat masih menunggu keputusan," katanya.

Bagi Kluster Simera, Selangor, membabitkan daerah Besut, Terengganu; daerah Kuantan, Pahang; Petaling, Klang dan Hulu Langat, Selangor.

Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-13,991) dikenal pasti positif hasil individu bergejala pada 6 Oktober dan sudah dimasukkan ke Hospital Hulu Terengganu, Kuala Berang.

"Saringan kontak rapat mengesan tujuh lagi kes positif. Sehingga 10 Oktober 12 tengah hari, sejumlah 126 individu telah disaring, di mana lapan kes dikesan

positif, 88 negatif dan 30 masih menunggu keputusan.

Kluster Putra, Sarawak dikenal pasti di daerah Bintulu, Sarawak membabitkan kes indeks ke-14,696 positif hasil saringan di pintu masuk Sarawak pada 8 Oktober.

Saringan kontak rapat mengesan empat lagi kes positif, sehingga 10 Oktober, 12 tengah hari, sejumlah 57 individu telah disaring, di mana lima kes dikesan positif COVID-19, dua negatif dan 50 masih menunggu keputusan.

Sebanyak 374 lagi kes baharu COVID-19 dicatatkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan di Malaysia kepada 15,096.

Sejumlah 4,161 direkodkan sebagai kes aktif yang sudah diasingkan untuk menjalani rawatan lanjut.

Beliau berkata, 73 pesakit pula diisytiharkan pulih, sekali gus menyumbang kepada jumlah keseluruhan 10,780 atau 71.4 peratus.

"Sabah mencatat jumlah kes tertinggi iaitu 277 kes (74.1 peratus) dan lebih banyak saringan terus dijalankan di lapangan, terutama di pelbagai daerah yang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) dan PKPD Pentadbiran, manakala kapasiti ujian terus ditingkatkan," katanya.

Kedah pula mencatatkan 27 kes atau 7.2 peratus, dengan semuanya daripada Kluster Tembok.

Lembah Klang pula merekodkan 13.1 peratus daripada jumlah keseluruhan iaitu 44 kes di Selangor, empat di Kuala Lumpur dan satu di Putrajaya.

Daripada 374 jangkitan baharu dilaporkan, dua adalah kes import yang dijangkiti dari luar negara iaitu Filipina dan dilaporkan di Kuala Lumpur, masing-masing terdiri daripada seorang rakyat tempatan dan seorang bukan warganegara.

Dr Noor Hisham menambah, kes penularan dalam negara direkodkan sebanyak 372, dengan 343 daripadanya membabitkan rakyat tempatan manakala 29 lagi adalah bukan warga negara.

"Daripada 372 kes itu juga, 17 membabitkan individu yang pulang dari Sabah, sekali gus menjadikan jumlah jangkitan dilaporkan dengan sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September lalu sebanyak 341 kes," katanya.





AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

BH 11 OKTOBER 2020

Nasional

9

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah serta anakanda Tengku Puteri Raja Tengku Puteri Iman Afzan, semalam berkenan mengenakan reben hijau bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia 2020 yang sambutan pada 10 Oktober setiap tahun. Tengku Puteri Iman Afzan adalah Penaung Antarabangsa bagi Hari Kesihatan Mental Sedunia 2020 selepas menerima undangan Gabungan Badan Kesihatan Mental Sedunia, baru-baru ini.



**Pasangan Diraja pakai reben hijau**

BERNAMA

## 500,000 rakyat alami simptom tekanan

**Kuala Lumpur:** Hampir 500,000 rakyat di negara ini didapati mengalami simptom tekanan atau depresi, menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019.

Penaung Befrienders Kuala Lumpur, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata kajian NHMS 2019 itu juga mendapati 424,000 kanak-kanak mengalami masalah kesihatan mental.

"Separuh daripada masalah gangguan mental mula dikesan pada usia 14 tahun dan tiga perempat daripadanya pada pertengahan usia 20-an.

"Oleh itu, perkara ini perlu ditangani segera," katanya dalam satu kenyataan sempena Hari Kesihatan Sedunia 2020, semalam.

Beliau berkata, pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut menyebabkan tekanan emosi susulan perubahan persekitaran kerja seperti perlu bekerja dari rumah, hilang punca pendapatan dan pekerjaan serta bimbang terhadap keselamatan.

"Ada juga yang rasa ingin bunuh diri. Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan sebanyak 465 kes cubaan bunuh diri antara Januari dan Jun tahun ini," katanya.

Lam Thye berkata, walaupun keadaan bertambah baik dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), statistik Befrienders Kuala Lumpur pula menunjukkan sebaliknya apabila terdapat peningkatan panggilan diterima daripada mereka yang mengalami kesusahan dan ingin bunuh diri pada bulan Julai, Ogos dan September berbanding April, Mei dan Jun.

BERNAMA

# KKM tambah 200 pegawai kaunseling seluruh negara

Kementerian bantu individu terjejas psikologi akibat COVID-19

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) memperluas perkhidmatan kaunseling pada peringkat kesihatan primer dengan menempatkan 200 pegawai psikologi kaunseling baharu di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata inisiatif itu bertujuan memberi perkhidmatan kesihatan mental dan kaunseling kepada individu yang memerlukan, terutama dalam situasi COVID-19.

"Penjagaan kesihatan primer yang berkualiti dan mudah diak-

ses adalah asas untuk liputan kesihatan sejagat dan sangat diperlukan ketika dunia bergelut dengan keadaan darurat kesihatan semasa," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia, semalam.

Beliau berkata, perkhidmatan itu akan turut menyokong perkhidmatan kaunseling sedia ada di agensi lain bagi memastikan perkhidmatan kesihatan mental dilaksanakan secara holistik pada peringkat komuniti.

Dr Adham berkata, antara ini-

siatif lain disediakan KKM ialah perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MH-PS) yang mendapat kerjasama MERCY Malaysia bagi memberi perkhidmatan sokongan psikososial dan kaunseling kepada komuniti dan masyarakat, termasuk kakitangan dan petugas kesihatan yang terbabat dalam menangani krisis COVID-19.

Katanya, masyarakat juga boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan mental yang diberikan melalui empat institusi mental, 1,001 klinik kesihatan, 66 hospital KKM dan 28 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) di seluruh negara.

KKM juga menyokong usaha untuk mendekriminalisasikan

cubaan bunuh diri dan sudah mengambil inisiatif untuk meletakkan agenda kesihatan mental dalam belanjawan negara," katanya.

Beliau berkata, usaha mempromosi dan mencegah masalah kesihatan mental perlu dilaksanakan secara berterusan dan bersepadu membabitkan pelbagai individu dan organisasi.

Dr Adham turut merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan Tengku Puteri Raja Tengku Puteri Iman Afzan Al-Sultan Abdullah sebagai Penaung Antarabangsa Hari Kesihatan Mental Sedunia 2020 oleh Persekutuan Kesihatan Mental Sedunia (WFMH) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia. BERNAMA

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NEGARA

4 | **Negara!**



**Covid-19 #kitamestimenang**

Kosmo/Ahad 11 OKTOBER 2020

Enam kluster baharu dikesan dengan 374 kes dicatatkan semalam

## Covid-19 makin menular di Selangor

Oleh NOR IDAYU BOSRO

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 374 kes baharu Covid-19 dilaporkan semalam daripada enam kluster baharu iaitu empat di Selangor, masing-masing satu di Sabah dan Sarawak menjadikan jumlah kes positif sebanyak 15,096 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Kluster Utama, Kluster Bah Manggis, Kluster Tasik dan Kluster Simera dikesan di Selangor, manakala Kluster Highway di Sabah dan Kluster Putra di Sarawak.

Katanya, Kluster Highway dikesan di Kota Belud selepas kes indeks didapati positif hasil saringan bergejala pada 3 Oktober lalu dan kini dirawat di Hospital Queen Elizabeth.

"Kluster Putra pula dikesan di Bintulu membabitkan kes indeks yang didapati positif hasil

saringan di pintu masuk ke negeri Sarawak pada 8 Oktober," katanya pada sidang akhbar secara langsung di Facebook Live Kementerian Kesihatan semalam.

Mengulas lanjut, katanya, Kluster Utama dikenal pasti di daerah Gombak dan Petaling dengan sembilan kes positif selepas kes indeks dikesan hasil saringan individu bergejala pada 4 Oktober lalu dan kini dirawat di Hospital Sungai Buloh.

Beliau berkata, Kluster Tasik pula melibatkan daerah Petaling, Hulu Langat dan Klang serta Miri, Sarawak dengan sembilan kes positif sementara Kluster Bah Manggis melibatkan daerah Kuala Langat dan Tawau dengan tujuh kes positif.

"Kes indeks Kluster Simera pula dikesan hasil saringan individu bergejala pada 6 Oktober dan saringan mengesan tujuh

lagi kes positif di daerah Petaling, Klang, Hulu Langat serta di Besut, Terengganu dan Kuantan, Pahang," katanya.

Tambahnya, pertambahan kes semalam turut disumbangkan daripada 10 kluster aktif iaitu Kluster Tembok dengan 27 kes; Kluster Ramai-Ramai (18); Kluster Benteng LD (lapan) dan Kluster Bah Puchong (enam).

"Selain itu, masing-masing tiga kes di Kluster Penjara Reman; Kluster Tanamera dan Kluster Jalan Meru; Kluster Laut (dua) dan masing-masing satu di Kluster Benteng PK dan Kluster Selasih," ujarnya.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, tiga kematian semalam membabitkan dua lelaki dan seorang wanita berusia antara 51 hingga 61 tahun yang meninggal dunia di Hospital Semporna, Hospital Queen Elizabeth dan Hospital Tawau.



**Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam**

	Jumlah
• Kes baharu	374
<b>Import: 2 Tempatan: 372</b>	
• Pulih	73
• Kematian	3
• Masih dirawat	4,161
• Jumlah kes sembuh	10,780
• Jumlah Kematian	155
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>15,096</b>

Sementara itu, dua kes positif Covid-19 dikesan membabitkan jururawat di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Queen Eliza-

beth II, Kota Kinabalu, Sabah selepas saringan ke atas kesemua petugas kesihatan di situ dibuat pada 9 Oktober lalu.

Noor Hisham berkata, seorang jururawat di ICU hospital terbabit didapati bergejala dan saringan mendapati mangsa positif Covid-19 serta telah menjangkiti seorang jururawat lain.

"Kita masih menyiasat jika mangsa mendapat jangkitan daripada komuniti atau semasa bertugas di hospital," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan sebuah portal yang mendakwa seramai 40 daripada 66 jururawat di wad ICU Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu terpaksa dikuarantin setelah seorang kakitangan disahkan positif Covid-19.

Menurutnya, seramai 579 petugas kesihatan di negara ini dijangkiti Covid-19 sejak pandemik itu melanda negara.



AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NEGARA

6 | **Negara!**

Kosmo/ Ahad 11 OKTOBER 2020

## Agong berkenan gayakan reben hijau



**TENGGU PUTERI IMAN AFZAN** memakalkan reben hijau kepada Al-Sultan Abdullah sambil diperhatikan Tunku Azizah di Istana Negara semalam.

**KUALA LUMPUR** – Yang di-Per-tuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengenakan reben hijau sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia 2020 yang disambut pada 10 Oktober setiap tahun.

Pemakaian reben hijau itu turut disertai oleh Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah serta anakanda, Tengku Puteri Iman Afzan.

Istana Negara menerusi satu kenyataan berkata, Tengku Puteri Iman Afzan merupakan Penaung Antarabangsa untuk Hari Kesihatan Mental 2020 setelah menerima undangan Gabungan Badan-Badan Kesihatan Mental Sedunia.

"Naungan Diraja Tengku Puteri Iman Afzan adalah sehingga bulan Oktober 2021," katanya di sini semalam.

Sementara itu, menerusi per-tusannya sebagai Penaung Antarabangsa, Tengku Puteri Iman Afzan mengajak rakyat dan kerajaan di seluruh dunia untuk bersatu memartabatkan kesihatan mental.

Katanya, meluangkan masa selain memberi perhatian, sokongan, kasih sayang serta belas kasihan di antara kita bakal menjamin kesejahteraan mental lebih baik.

Pelantikan Tengku Puteri Iman Afzan membuktikan usaha murni Malaysia dalam meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan mental, perawatannya dan cabaran polisi yang diperakui oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Riben hijau merupakan simbol kesihatan mental antarabangsa selain menterjemahkan tanda sokongan moral terhadap golongan pesakit.




AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19



## ICU Hospital Queen Elizabeth II beroperasi seperti biasa

KOTA KINABALU - Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menjelaskan bahawa perkhidmatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Queen Elizabeth II (QEHI) berjalan seperti biasa, namun terpaksa mengurangkan jumlah pesakit daripada lapan kepada enam pesakit.

Penjelasan itu sekali gus menyangkal dakwaan sebuah portal berita semalam bahawa ICU di hospital itu lumpuh ekoran sebahagian petugas barisan hadapan dikuarantin.

Dr Noor Hisham dalam kenyataannya berkata, bagi situasi di ICU (QEHI), terdapat seorang jururawat di kesan positif Covid-19 selepas menjalani saringan bergejala pada 6 Oktober lalu.

"Justeru, saringan di tempat kerja menggunakan kit ujian pantas (RTK) antigen dan juga Ujian Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) telah dijalankan terhadap 92 petugas perubatan (pe-

gawai perubatan dan jururawat) di QEHI pada 9 Oktober lalu.

"Hasil saringan mendapati seorang lagi jururawat yang merupakan kontak rapat kepada kes indeks adalah positif Covid-19 manakala anggota perubatan yang lain didapati negatif kedua-dua RTK Antigen dan PCR," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, dalam satu kenyataan beliau turut memaklumkan, secara keseluruhannya sejak permulaan wabak Covid-19 sehingga semalam, seramai 579 orang kakitangan kesihatan dan perubatan Kementerian Kesihatan daripada pelbagai kategori skim perkhidmatan telah dijangkiti Covid-19.

"Untuk di Sabah, bagi tempoh yang sama seramai 198 kakitangan KKM telah dijangkiti Covid-19 di mana dalam Oktober ini sahaja telah mencatat jumlah paling tinggi setakat ini iaitu 85 orang, berbanding pada September lalu seramai 66 orang," katanya.

# One Utama minta pengunjung buat saringan

Terutama mereka yang mengunjungi bahagian kosmetik Parkson Elite dan Mac City Service Centre

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

PETALING JAYA

Pihak pengurusan pusat beli-belah One Utama di sini meminta orang ramai yang mengunjungi bahagian kosmetik Parkson Elite dan kedai Mac City Service Centre di kompleks itu tampil untuk melakukan ujian saringan susulan berlaku kes positif koronavirus (Covid-19) di pusat itu.

One Utama dalam satu kenyataan menyatakan, orang ramai yang berada di dua bahagian itu pada 25 September hingga 7 Oktober lalu boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah Petaling.

Katanya, setakat ini semua pekerja Mac City Service Centre telah disahkan negatif, begitu juga dengan kontak rapat pekerja Parkson Elite.

"KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) telah mengesahkan sebilangan kecil kes di One Utama tidak berhubung atau tersebar oleh satu



Pusat beli-belah One Utama di Petaling Jaya kelihatan lengang semalam.

sumber, dengan individu yang dijangkiti tidak menunjukkan gejala ketika bekerja di premis penyewa kami.

"Kami juga telah menyediakan kemudahan untuk semua kakitangan One Utama dan kakitangan penyewa kami untuk menjalani ujian saringan Covid-19," menurut kenyataan itu yang dikeluarkan di sini semalam.

Kenyataan itu juga mengesahkan tentang penutupan sementara pusat beli-belah tersebut pada hari ini untuk proses saringan kontak rapat dan proses nyahkuman atas nasihat KKM.

Menurutnya, kompleks itu hanya akan dibuka semula setelah semua pekerja One Utama dan penyewa

menjalani ujian saringan dan keputusan ujian itu diperolehi.

Katanya, pihaknya kesal kerana penularan Covid-19 itu berlaku di luar kawalan walaupun usaha terbaik telah dilakukan untuk mencegah penularan Covid-19 di pusat beli-belah itu dengan pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) dan kerja-kerja sanitasi yang ketat.

"Terima kasih kami ucapkan kepada petugas barisan hadapan, penyewa, KKM dan semua pihak yang terus membantu dan menyokong kami sepanjang tempoh mencahar ini.

"Maklumat (mengenai perkembangan semasa) akan dikemas kini di laman sosial pusat beli-belah kami," katanya.



AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR AHAD • 11 OKTOBER 2020

**MEMERANGI WABAK COVID-19**



# 374 kes baharu, tiga lagi korban Covid-19

Sebanyak 372 kes penularan tempatan dan dua kes import yang mendapat jangkitan di luar negara

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN**

**SHAH ALAM**

**B**ilangan kes baharu Covid-19 di Malaysia kekal pada tiga angka apabila sebanyak 374 kes positif dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 374 kes baharu itu, 372 membabitkan penularan tempatan dan dua kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

Menurutnya, setakat jam 12 tengah hari semalam, sebanyak tiga kematian baharu direkodkan dengan kesemua kes adalah di Sabah menjadikan kumulatif

kes kematian akibat wabak itu adalah sebanyak 155 kes.

"Jika dilihat pecahan utama jumlah kes hari ini (semalam), ia menunjukkan trend yang hampir sama dengan semalam. Negeri Sabah mencatat jumlah kes tertinggi iaitu 277 kes atau 74.1 peratus.

"Lebih banyak aktiviti saringan terus dijalankan di lapangan terutama di pelbagai daerah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan PKPD secara pentadbiran, dan kapasiti ujian terus dipertingkatkan," katanya pada sidang akhbar yang disiarkan secara maya menerusi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr Noor

Hisham berkata, terdapat 73 kes yang telah pulih menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 adalah sebanyak 10,780 kes atau 71.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 pula adalah sebanyak 4,161 kes dan mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

"Sehingga kini, terdapat 73 kes positif yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 28 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.



**DR NOOR HISHAM**

Sementara itu, dalam perkembangan sama, Dr Noor Hisham berkata, terdapat enam kluster baharu telah dikenal pasti semalam.

Menurutnya, empat daripada kluster baharu itu melibatkan Selangor dan masing-masing satu di Sabah dan Sarawak.

"Kluster Highway di Sabah dikesan di daerah Kota Belud dengan mencatatkan sebanyak 23 kes positif setakat ini, manakala Kluster Putra di Sarawak dikesan di daerah Bintulu. Setakat ini sebanyak lima kes telah dikesan positif.


"Kluster Bah Manggis, Se-

langor dikesan di daerah Gombak dan Petaling dengan merekodkan 10 kes positif setakat ini. Kluster Tasik, Selangor melibatkan Miri, Sarawak dan daerah Petaling, Hulu Langat dan Klang, Selangor, setakat ini sebanyak 10 kes positif telah dikesan," katanya.

Menurutnya, dua lagi kluster baharu di Selangor adalah Kluster Simera melibatkan daerah Besut, Terengganu; daerah Kuantan, Pahang; daerah Petaling, Klang dan Hulu Langat, Selangor serta Kluster Utama dikenal pasti di daerah Gombak dan Petaling.

"Kedua-dua kluster ini merekodkan 10 kes positif dan saringan kontak rapat masih dijalankan," kata beliau.

**SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM**





AKHBAR : SINAR AHAD  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NASIONAL

6



/ NASIONAL /

11 OKTOBER 2020 • SINAR AHAD

## Agong, Permaisuri dan anakanda bereben hijau sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia

**KUALA LUMPUR** - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah serta anakanda Tengku Puteri Raja Tengku Puteri Iman Afzan semalam berkenan mengenakan reben hijau bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia 2020 yang jatuh pada 10 Oktober setiap tahun.

Reben hijau merupakan simbol kesihatan mental antarabangsa, selain sebagai tanda sokongan bagi kesedaran dan penyebab kesihatan mental serta membantu membina solidariti untuk komuniti itu.

Menurut kenyataan Istana Negara semalam, Tengku Puteri Iman Afzan merupakan Penaung Antarabangsa bagi Hari Kesihatan Mental Sedunia 2020 setelah menerima undangan daripada Gabungan Badan-badan Kesihatan Mental Sedunia baru-baru ini.


Pelantikan Tengku Puteri Iman Afzan itu bukti usaha murni Malaysia dalam meningkatkan kesedaran mengenai kesihatan mental, cara-cara perawatan dan cabaran polisi. Usaha itu diperakui Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang lain.

Naungan diraja Tengku Puteri Iman Afzan itu adalah hingga Ok-

tober 2021.

Menurut kenyataan itu, Tengku Puteri Iman Afzan dalam perutusannya sebagai Penaung Antarabangsa mengajak rakyat dan kerajaan di seluruh dunia bersatu dalam usaha memartabatkan kesihatan mental kerana perkara tersebut adalah tanggungjawab semua.

Anakanda Seri Paduka berdua itu turut dipetik bertitah akan betapa pentingnya meluangkan masa dan memberi perhatian, sokongan, kasih sayang serta belas kasihan sesama kita bagi menjamin kesihatan dan kesejahteraan mental yang lebih baik. - Bernama



Al-Sultan Abdullah dan Tunku Azizah serta Tengku Puteri Iman Afzan semalam berkenan mengenakan reben hijau bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia 2020 yang jatuh pada 10 Oktober setiap tahun.

## Hampir setengah juta rakyat Malaysia alami simptom depresi

**KUALA LUMPUR** - Hampir setengah juta rakyat di negara ini didapati mengalami simptom tekanan atau depresi, menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019.

Penaung Befrienders Kuala Lumpur, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, kajian NHSM 2019 itu juga mendapati 424,000 kanak-kanak mengalami masalah kesihatan mental.

"Separuh daripada masalah gangguan mental mula dikesan pada usia 14 tahun dan tiga perempat daripadanya pada pertengahan usia 20-an. Perkara ini perlu ditangani segera," katanya dalam satu kenyataan sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia 2020 semalam.

Beliau berkata, pandemik coronavirus (Covid-19) dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut menyebabkan tekanan emosi susulan perubahan persekitaran kerja seperti perlu bekerja dari rumah, hilang punca pendapatan dan pekerjaan serta bimbang terhadap keselamatan.

"Ada juga yang rasa ingin bunuh diri. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 465 kes cubaan bunuh diri antara Januari dan Jun tahun ini," katanya.

Lam Thye berkata, walaupun keadaan bertambah baik dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), statistik Befrienders Kuala Lumpur pula menunjukkan sebaliknya apabila terdapat peningkatan

panggilan diterima daripada mereka yang mengalami kesusahan dan ingin bunuh diri pada bulan Julai, Ogos dan September berbanding April, Mei dan Jun.

Justeru, beliau berkata, kerajaan dan KKM perlu menyediakan peruntukan untuk kesihatan mental yang mana dalam Bajet 2020, hanya RM344:82 juta diperuntukkan untuk kesihatan mental iaitu lebih daripada satu peratus daripada keseluruhan peruntukan kesihatan, lebih rendah berbanding purata 2.8 peratus di peringkat antarabangsa.

"Data dari tahun 2018 menunjukkan terdapat 410 psikiatri di negara ini dengan nisbah psikiatri kepada penduduk 1.27 per 100,000. Ini jauh lebih rendah daripada nisbah disyorkan Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) antara satu hingga 10,000," katanya.

Sementara itu, Lam Thye juga menggalakkan Kementerian Pendidikan untuk menambah aspek kesihatan mental dalam silibus pendidikan termasuk membina daya tahan, belajar penguasaan tekanan dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Pada masa sama, beliau berkata, ibu bapa juga memainkan peranan penting untuk menyediakan persekitaran yang penuh kasih sayang dan memberi semangat kepada anak-anak untuk membesar dengan selamat, sedia meluahkan perasaan dan bercakap secara terbuka mengenai kesihatan mental mereka. - Bernama

# Kesihatan mental perlu diutamakan

Ia harus dijadikan agenda kesihatan negara

Oleh HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

**M**asalah kesihatan mental wajar diberi keutamaan dalam agenda kesihatan negara susulan impaknya yang begitu besar kepada rakyat Malaysia akibat pandemik Covid-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, rata-rata masyarakat terkesan dari segi emosi seperti kebimbangan, ketakutan, pengasingan (isolasi), ketidakpastian, serta tekanan perasaan akibat daripada perubahan dalam norma kehidupan.

Beliau berkata, ia termasuk warga yang bekerja dan berdepan risiko hilang pekerjaan, kehilangan mata pencarian dan kekangan kewangan.

Selain itu, katanya, petugas barisan hadapan juga tidak terlepas daripada mengalami masalah emosi dan tekanan akibat daripada terpaksa menanggung tugas, diberi tugas yang berganda atau mengalami *burn out*.

"Jadi pada tahun ini KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) menetapkan tema 'Let's Talk Minda Sihat: Kesihatan Mental Milik Semua, Bersama Cegah Bunuh Diri' seiring kem-

pen sama yang dimulakan sejak Oktober 2019 dengan aspirasi tema pada kali ini menekankan tentang kepentingan kesihatan mental kepada semua individu tanpa mengira umur, agama dan bangsa termasuk keperluan usaha untuk menangani stigma serta mencegah kejadian bunuh diri yang merupakan salah satu impak permasalahan kesihatan mental.

"Kesihatan mental adalah hak asasi dan merupakan komponen penting dalam kehidupan seharian. Oleh itu, ia perlu diintegrasikan sebagai salah satu skop dalam liputan perkhidmatan kesihatan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, dalam menghadapi krisis global ini, tidak ada sesiapa pun yang boleh dinafikan hak mereka untuk mendapatkan bantuan dan perkhidmatan kesihatan mental bagi sebarang masalah yang dihadapi.

Justeru, katanya, perkhidmatan sokongan psikososial amat penting bagi menangani masalah kesihatan mental yang teretus akibat Covid-19.

"Penjagaan kesihatan primer yang berkualiti dan mudah diakses adalah asas untuk liputan kesihatan sejagat dan sangat diperlukan ketika dunia bergelut dengan keadaan kesihatan semasa," katanya.

Dr Adham berkata, antara inisiatif yang dilakukan KKM



DR ADHAM

bagi mengatasi masalah kesihatan mental dalam kalangan pekerja dan masyarakat sewaktu pandemik adalah dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial melalui Pasukan Kesihatan Mental dan Psikososial bagi kumpulan sasar yang memerlukan.

Menurutnya, turut diwujudkan ialah talian bantuan sokongan psikososial dengan kerjasama Mercy Malaysia bagi memberikan sokongan dan kaunseling kepada masyarakat dan petugas kesihatan yang terlibat menangani pandemik Covid-19.

Katanya, masyarakat juga boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan mental yang diberikan melalui empat institusi mental, 1,001 klinik kesihatan, 66 hospital KKM dan 28 Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (Mentari) di seluruh negara.

"KKM turut menyokong usaha untuk mendekriminalisasikan cubaan bunuh diri dan mengambil inisiatif untuk melataknkan isu itu dalam agenda belanjawan negara," katanya.

Sementara itu, Dr Adham turut menzahirkan ucapan tahniah kepada Tengku Puteri Raja, Tengku Puteri Iman Afzan Al Sultan Abdullah yang dilantik sebagai Penaung Antarabangsa Hari Kesihatan Mental Dunia 2020 oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).



AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

## 374 cases recorded yesterday, nearly all locally transmitted

**KUALA LUMPUR:** The Health Ministry recorded 374 new cases yesterday, 372 of which are local infections with two imported ones.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the majority of the cases came from Sabah, with 277 or 74.1 per cent from the daily total.

Selangor logged 44 new cases. Of the total, six were detected in individuals who had returned from Sabah.

"From the 372 local infections, 17 comprise those who have returned from Sabah, bringing the total number of positive cases with a history of travelling to Sabah since Sept 20 to 341," he said during a Facebook live session yesterday.

The ministry logged 27 cases in Kedah, all linked to the Tembok prison cluster.

Other states that recorded new cases include Sarawak (nine), Kuala Lumpur (four) and Penang (three). Johor, Perak and Labuan logged two cases each, while Melaka and Putrajaya recorded one positive case each.

This takes the total number of Covid-19 cases in the country to 15,096 cases with 4,161 active cases.

"To date, 73 positive cases are being treated in the Intensive Care Unit, with 28 requiring ventilator support," Dr Noor Hisham said.

He said three more deaths were reported, all in Sabah.

The deaths were reported in Hospital Tawau, Hospital Queen Elizabeth in Kota Kinabalu and Hospital Semporna. This increases the death toll to 155.

Six new clusters had been detected, with four in Selangor.

Dr Noor Hisham said the other clusters were located in Sabah and Sarawak.

Of the new clusters, he said the Highway cluster in Sabah had the highest number of confirmed cases at 23.

"The Highway cluster involves the Kota Belud district in Sabah. The index case for the cluster, Case 12,205, tested positive for the virus on Oct 3 and was admitted to Queen Elizabeth Hospital. A total of 59 people related to the cluster have been screened, with 36 testing negative."

In Selangor, Dr Noor Hisham said the "Utama" and "Tasek" clusters had the highest number of cases with 10 positive cases each.

